

12/05/1997

Tentera Darat tubuh Skuadron Istiadat Berkuda

Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR: Cabang perkhidmatan tentera tertua di Malaysia, Tentera Darat mengorak langkah menubuhkan Skuadron Ke-21 Kor Armor Diraja Istiadat Berkuda bagi memantapkan perkhidmatan angkatan tentera di negara ini.

Bermula daripada idea yang diutarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lalu, Tentera Darat terus memulakan usaha membentuk skuadron.

Sebagai permulaan, skuadron yang berpangkalan di Kem Sungai Buloh mempunyai 58 anggota yang diketuai Mejar Ahmad Fakharuzi Ibrahim dan dibantu oleh beberapa pegawai manakala Pengarah Kor Armor Diraja Kolonel Mohd Kamal Omar dilantik sebagai pengarah Skuadron.

Majlis pelancaran skuadron itu akan disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar di Kem Sungai Buloh, esok.

Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Che Md Noor Mat Arshad, berkata tugas utama skuadron itu adalah sebagai pengawal berkuda diraja, kawalan kehormatan berkuda diraja dan pengiring berkuda diraja.

Objektif penubuhan rejimen beristiadat dalam jangka masa panjang ialah selain menyempurnakan tugas istiadat diraja, ia juga mencerminkan keunggulan, simbolik kemegahan serta keperwiraan negara.

Selain itu, ia juga sebagai satu daya tarikan pelancong dari luar negara dan rakyat tempatan. Skuadron Istiadat Berkuda (SIB) juga dapat melahirkan ahli sukan ekuestrian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sekali gus menyokong usaha mengembangkan sukan itu di negara ini.

Di peringkat permulaan, Unit Pengawal Istiadat Berkuda (UPIB) mempunyai 27 ekor kuda yang didatangkan khas dari Poland, dan bilangan kuda akan ditambah kepada 70 ekor pada masa akan datang.

Menurutnya, SIB juga akan dijadikan sebuah rejimen dijangka beroperasi pada 1998 dengan kekuatan 26 pegawai, 444 anggota dan bilangan kuda sebanyak 145 ekor. Skuadron ini akan melaksanakan tugas pengawal statik di pintu masuk utama Istana Negara yang mula beroperasi Jun depan.

Apabila penubuhan rejimen berjaya, tugas SIB akan merangkumi istiadat diraja selain upacara kebangsaan dan sukan berkuda dalam serta luar negara. Ia menggabungkan elemen istiadat yang sedia wujud seperti Pengawal Tombak Diraja, Pengiring Berkereta Diraja dan Peniup Nafiri Diraja.

Md Noor berkata, penubuhan sebuah rejimen yang lengkap pada peringkat ketiga akan berpangkalan di Kuala Kubu Bahru, Selangor dengan penambahan peralatan, logistik dan anggota. Rancangan jangka panjang bukan sahaja mampu melaksanakan tugas pengawal dan istiadat berkuda malah mampu bersaing di dalam apa jua sukan ekuestrian.

"Skuadron berkuda sudah lama ditubuhkan di beberapa negara di dunia seperti Britain, Pakistan dan Poland sebagai menyambut tetamu kehormat dan digunakan sejak zaman dahulu lagi setiap kali upacara istiadat dilangsungkan," katanya, baru-baru ini.

Kandang kuda yang sedang dalam pembinaan akan siap sepenuhnya pada 31 Mei ini.

Pengambilan keanggotaan SIB terbuka kepada unit tentera darat dan pihaknya pada masa akan datang bercadang memperluaskan keanggotaan Skuadron itu kepada pranita.

SIB mendapat khidmat seorang jurulatih dari Poland, Kapten Zbigniew yang juga adalah salah seorang jurulatih pasukan Olimpik Berkuda Poland dan seorang doktor haiwan tempatan.

Sementara itu, menurut seorang anggota SIB, Pegawai Waran II N.

Manivaran yang berkhidmat selama 19 tahun dengan Kor Armor, berkata beliau bangga terpilih menganggotai Skuadron yang pertama kali ditubuhkan di negara ini.

Walaupun pada awalnya, perasaan takut timbul tetapi selepas menjalani latihan selama tiga bulan dan merasai sendiri pengalaman menunggang kuda, perasaan yakin mula timbul.

Katanya, ciri fizikal badan seperti tubuh yang tegap, tinggi selain daripada keyakinan tinggi menjadi asas penting untuk menyertai SIB ini.

Menurutnya, beliau mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri dengan kuda kerana kuda adalah binatang yang sensitif. Kuda juga memerlukan masa untuk dijinakkan kerana kuda yang digunakan sekarang adalah kuda yang telah separuh dilatih.

Manivaran berkata, cabaran yang perlu dihadapi setiap anggota skuadron itu ialah membentuk satu pasukan yang mantap dari segi teknik berkawad secara serentak kerana kuda itu masih dalam proses menyesuaikan diri.

"Kami menjalani latihan setiap pagi mulai jam 7.30 pagi selama dua atau tiga jam bergantung kepada cuaca dan jika cuaca panas jangka masa latihan mungkin akan dikurangkan," katanya.

Pada sebelah petang, kuda dibawa berjalan di sekitar kawasan kandang dan kem selain dimandi serta dibersihkan.

Menurut Trooper Mohd Ramli Abd Wahab, pada mulanya setiap anggota diberi latihan asas, termasuk dari segi teori bagi membiasakan setiap anggota dengan kuda masing-masing.

Selepas itu, anggota dilatih bersama kuda mengenai teknik berkawad dan latihan itu sentiasa diadakan berterusan.

Sebagai anggota tentera yang sudah berkhidmat selama sepuluh tahun dalam Unit 3 Armor, pengalaman menunggang kuda amat berbeza berbanding mengendalikan jentera atau mesin kerana seperti yang diketahui Kor Armor Diraja selama ini dilengkapi dengan kereta kebal dan perisai.

Menurutnya, kuda mempunyai 'mood' dan kadang-kadang bertindak di luar jangkaan jika terkejut atau berada dalam keadaan tidak stabil.

Sementara itu, ketua projek pembinaan kandang kuda di kem ini, Mejar Mohd Hashim Abdullah, berkata keseluruhan projek itu dijalankan oleh anggota tentera dari Kor 91 Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) di Kem Batu Kentonmen dekat sini.

Pembinaan fasa pertama projek ini dimulakan sejak Oktober lalu dan dijangka siap sepenuhnya penghujung Mei ini dengan keluasan enam hektar.

Dalam fasa ini 36 bay kuda disediakan, dua bay untuk tempat mandi dan empat bay khas untuk setor.

"Seramai 110 anggota RAJD terbabit menyiapkan kandang yang berharga RM1.2 juta. Fasa kedua pula meliputi pembinaan klinik dan induk arena yang akan di jalankan selepas siap sepenuhnya fasa pertama," katanya.

(END)